

SK Pekan Dua Hayati Erti Kemerdekaan



Usaha Mengibarkan Jalur Gemilang di SK. Pekan Dua, WP. Labuan menunjukkan rasa cinta dan kasih warganya terhadap negara.

Semangat dan komitmen tinggi untuk mengibarkan Jalur Gemilang itu menjelaskan bahawa warga di Malaysia khususnya di Labuan bersatu hati mempertahankan pengisian nikmat kemerdekaan.

“Kibar Jalur Gemilang adalah simbol kebanggaan kita sebagai sebuah negara, maruah dan identiti negara dan ia adalah simbol perpaduan dan kesatuan kita sebagai rakyat Malaysia.

“Ia juga adalah tanda kesyukuran, penghargaan dan terima kasih kepada negara yang memberi banyak peluang untuk menikmati erti kemerdekaan.”

Melalui Bulan Kebangsaan inilah platform yang terbaik memberi kesedaran kepada warga SK. Pekan Dua sebagai

wadah pengisiannya.

Antara lain pengisian Bulan Kebangsaan di SK. Pekan Dua adalah seperti Perarakan Bendera dan Kereta Berhias, Bacaan Yassin dan Tahlil untuk Parajurit yang telah terkorban, Pertandingan Mewarna Bendera Malaysia, Mencipta dan Deklamasi Sajak Kemerdekaan, Kuiz Kemerdekaan, Kelas Patriotik dan Jelajah Merdeka Muzium Chimney, Karaoke Lagu-lagu Patriotik, pakaian beragam fesyen etnik bertemakan kebangsaan dan tayangan filem Patriotik serta kibar Jalur Gemilang.



Puan Hjh Dayang bersama para tetamu dalam Perarakan Jalur Gemilang dan Kereta Berhias



Persembahan Sajak Kemerdekaan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Arab dan Bahasa Kadazan oleh Guru-guru Novis SK. Pekan Dua, WP. Labuan Rasional pengisiannya adalah untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan Negara Malaysia. Antara lain objektif Program Penghayatan Bulan Kebangsaan adalah supaya murid-murid mengetahui tarikh kemerdekaan Malaysia dan bersyukur atas nikmat Kemerdekaan yang mereka kecapi selama ini.

Murid-murid dapat menghayati makna kemrdekaan dan berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan ini. Murid-murid mengetahui tokoh-tokoh pejuang kemrdekaan dan berterima kasih atas jasa-jasa mereka dan murid-murid dapat mengamalkan hidup bersatu padu antara kaum dan menghayati erti tema sambutan bulan Kebangsaan ke 62 iaitu Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih.

Jumlah Jalur Gemilang Yang Dikibarkan adalah lebih kurang Dua Ribu seratus dua puluh dua Jalur Gemilang yang pelbagai saiz dikibarkan. Ini meliputi Bendera Besar sebanyak 323, Bendera kecil 1,799.



Para tetamu merakam kenangan pada photo booth sekolah Melalui Tema ‘Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih’ Sekolah Kebangsaan Pekan Dua mengambil inisiatif menyemarakkan lagi program kibar Jalur Gemilang melalui kepelbagaian kreativiti dan inovasi dalam susun atur serta rekaletak bendera.

Di samping menginspirasi dan membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni kebersihan pada alam persekitaran sekolah serta penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang sihat dan bersih selaras dengan konsep pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi.

Pihak sekolah sentiasa berusaha untuk mewujudkan suasana alam sekitar sekolah yang hijau dan ceria demi melahirkan murid-murid yang berilmu pengetahuan dalam memelihara dan memuliha alam sekitar serta berpontensi untuk mengurus sumber alam dengan berkesan dan efektif.

Oleh yang demikian melalui tema ini SK Pekan Dua berusaha ke arah melahirkan warga yang penyayang, bersih dan penerapan dan pemupukan nilai perpaduan di kalangan

warganya.

Dalam ucapan Guru Besar kepada warga SK. Pekan Dua, Puan Hjh Dayang Damit Binti Hj Md Yassin menekankan 5 prinsip dalam ‘Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih iaitu dengan mengajak subordinat sebagai rakyat Malaysia, peranan dan tanggungjawab sebenar kita dalam memastikan kemerdekaan dan kedaulatan negara berkekalan berdasarkan lima prinsip kenegaraan yang popular dan boleh digunakan dalam usaha memupuk jati diri rakyat Malaysia.

Melalui Sayangi Tanah Air yang mana Tanah Air kita telah melalui pelbagai ranjau sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Para kolonialis seperti Portugis, Belanda, British, Jepun dan Siam pernah menjajah negara kita. Sejarah itu hendaklah menjadi panduan kepada generasi hari ini dan akan datang dengan tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Sebagai generasi merdeka yang telah mencapai ke-62 tahun bukan setakat mempertahankan tanah air ini, tetapi menjadikan tanah air ini bersih daripada aspek luaran dan dalaman. Sebagai sebuah negara yang telah merdeka, kita perlu mempertahankan kedaulatan negara daripada dijajah semula secara tidak sedar dalam pelbagai bentuk.

“Sayangi Malaysiaku; Malaysia Bersih”.

Berita Oleh : SK Pekan Dua



Mini Musolla dihias dengan botol air mineral dengan tema warna Jalur Gemilang sebanyak 441 botol dan 14 biji tayar



Antara pokok yang mendapat sentuhan kreativiti dihias dengan 50 bebunga dan 151 biji botol-botol serta 37 biji tayar hiasan